

Manfaatkan aplikasi AI tanpa jejas kepintaran, emosi insan

Oleh [Dr Irwan Mohammad Ali](#) - Februari 14, 2023 @ 12:00pm
bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan. - AFP

Secara realitinya dunia hari ini bergerak dengan sangat pantas. Tanpa disedari, terdapat pelbagai inovasi dan teknologi baharu yang telah dan akan diperkenalkan dalam tempoh amat singkat.

Sudah pasti, perkembangan ini dipacu kecenderungan manusia untuk mencari penyelesaian pantas dalam setiap aktiviti harian. Akibat lambakan kerja dan tugas harian sangat rumit, alternatif kepada penyelesaian masalah menjimatkan masa dan tenaga sangat diperlukan manusia pada zaman pendigitalan ini.



Antara alternatif kepada masalah praktikal manusia hari ini adalah memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan (AI). Secara umumnya, AI adalah kemampuan untuk menilai, sintesis dan membuat kesimpulan pintar seperti ditunjukkan kepintaran manusia.

Justeru, tidak dapat dinafikan teknologi AI termasuk ChatGPT sangat popular dan memberikan pengaruh sangat signifikan dalam kehidupan manusia hari ini. Sebagai contoh, bidang akademik antara kelompok mendapat manfaat besar AI khususnya ChatGPT.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 11m [PDRM bantu siasatan rakyat Malaysia ditembak di Betong](#)
- 16m [Pembantu klinik haiwan mengaku bersalah 2 pertuduhan cabul kehormatan wanita](#)
- 20m [Chef Wan menangis kongsi kisah ibu di konti Buletin FM](#)
- 29m [Bayi lahir di bawah runtuhan sihat, disusukan isteri pengarah hospital](#)
- 33m [RM5 juta 10 hari tayang](#)
- 34m [SKBS raikan murid cemerlang, tamat sekolah](#)
- 44m [Dewan Rakyat lulus Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Parlimen ke-15](#)
- 48m [Raja Permaisuri Camilla positif COVID-19](#)

BH (https://vodus.my) ×

Harap bantu kajian selidik kami dan Dapatkan Baucar Tunai

Apakah jantina anda?

Lelaki Perempuan

Masuk | Daftar (https://vodus.my/?login) VPoints 0 (https://vodus.my) (https://vodus.my)

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Microsoft labur berbilion dolar dalam OpenAI**
- **Program di IPT perlu dirombak lahir graduan 'pintar dan tajam'**
- **Ajar subjek bukan opsyen, tambah beban guru**
- **Guna data analitik tangani nahas penunggang motosikal**

Pelbagai tugas dan kerja akademik menjadi lebih mudah dan menarik seperti mewujudkan pembelajaran peribadi, penciptaan kandungan pintar serta padanan data tersuai.

Lambakan aplikasi AI

Pada waktu terdekat ini, kita dilambakkan aplikasi AI memberikan fokus kepada pembangunan aplikasi penjana teks. Keghairahan serta keterujaan terhadap penggunaan aplikasi AI ini menimbulkan pelbagai polemik dalam kalangan ahli akademik.

Justeru, terdapat kritikan menyeru supaya pembangun aplikasi AI mengambil langkah bersesuaian sebagai usaha mengurangkan kesan negatif khususnya dalam dunia akademik.


Sebagai contoh, terdapat institusi pendidikan di Amerika Syarikat (AS) mengharamkan AI seperti ChatGPT dalam rangkaian dan peranti dalaman mereka.

Ini disebabkan kebimbangan terhadap kesan buruknya kepada sistem pembelajaran pelajar dan sangat kritikal adalah ketepatan kandungan dihasilkan aplikasi berkenaan.

Masalah ini turut menyebabkan beberapa organisasi melarang staf mereka daripada berkongsi kandungan dihasilkan ChatGPT. Alasan utama kerana aplikasi AI ini menjadikan terlalu mudah untuk menjalankan perbincangan dengan jawapan meragukan.

Namun, terdapat beberapa manfaat boleh diperoleh daripada aplikasi ini iaitu:

- AI tersedia pada bila-bila masa tanpa had untuk melaksanakan tugas. Aplikasi ini boleh berfungsi sepanjang masa tanpa sebarang rehat.
- Secara praktiknya AI dengan bantuan program komputer dapat membantu mengurangkan ralat biasa berlaku dalam operasi manual. Tambahan pula, kecerdasan buatan membuat keputusan adalah berdasarkan kepada maklumat dikumpul dalam proses sebelumnya dengan menggunakan set algoritma tertentu. Sudah pasti, ralat dapat dikurangkan dan tahap ketepatan maklumat meningkat.
- Terdapat aktiviti dan tugas seharian berlaku secara berulang-ulang. Justeru, perkara ini boleh diatur secara automasi bagi mengekalkan produktiviti dan kreativiti manusia. Biarkan sahaja aplikasi AI melaksanakan tugas berulang-ulang, manusia pula bertindak menyelesaikan masalah lainnya. Contohnya, pembantu digital digunakan berinteraksi dengan pengguna bagi menjawab segala persoalan dan pertanyaan dikemukakan. Ini sangat menjimatkan keperluan sumber manusia.
- Kecekapan AI sangat membantu membuat keputusan dan menghasilkan tindakan lebih cepat seperti diprogramkan. Ia sangat berbeza apabila



TRENDING



NASIONAL sejam yang lepas
Rafizi sindir Hamzah tak faham konsep ekonomi



KES sejam yang lepas
Bayi 3 bulan meninggal, bapa didenda RM10,000 kerana cuai



AUTO 3 jam yang lepas
PERODUA Axia serba baharu dilancar, harga bermula RM38,600



NASIONAL 5 jam yang lepas
Nazri sanggup tak terima gaji duta



NASIONAL 6 jam yang lepas
Ini bukan kerja saya. Ini kerja Menteri Luar Negeri - Chon Siang

DISYORKAN



NASIONAL Feb 9, 2023 @ 10:55pm
SMART keluarkan tiga mangsa daripada sisa runtuh bangunan 17 tingkat



BOLA Feb 9, 2023 @ 11:06pm
Liga Super Eropah bakal 'dihidupkan' semula



NASIONAL Feb 9, 2023 @ 10:52pm
Lebih banyak syarikat teknologi Malaysia berpeluang tembusi pasaran Thailand




KES Feb 9, 2023 @ 11:42pm
Bas ekspres langgar treler, Japan penumpang cemas



NASIONAL Feb 9, 2023 @ 11:09pm
Didakwa beri kontrak RM1b kepada syarikat ada kaitan menantu, Muhyiddin akhirnya bersuara

OHBULAN



TAK MAKAN & MINUM 32 minit yang lepas
#AJL 37: Naim Daniel Dapatkan Nasihat Doktor Untuk Menyanyi Terbalik & Tergantung



VIRAL sejam yang lepas
Buat Meni Sam dan Dapatkan Baucar Tunai



WHA sejam yang lepas
Apakah jantina anda?
Lelaki Perempuan

keputusan perlu dilakukan manusia mempunyai pertimbangan emosi dan praktikal.

- Dijangkakan teknologi kecekapan buatan lebih maju akan menghasilkan lebih banyak inovasi baharu. Sudah tentu, akan dapat memberikan manfaat besar dalam kehidupan seharian manusia.

Kelemahan AI

Sementara itu, dalam membuat penilaian adil, kita perlu melihat sisi lain aplikasi AI ini. Jelas, AI mempunyai kelemahannya tersendiri. Berikut adalah beberapa kelemahan perlu diberikan pertimbangan munasabah.

- Tidak boleh dinafikan kecekapan buatan sedikit sebanyak menjadikan manusia malas. Ini kesan mengautomatiskan sebahagian besar tugas dan aktiviti harian manusia.
Ketagihan dan kebergantungan kepada kecerdasan buatan menghasilkan generasi tidak lagi seperti dahulu. Ia mendatangkan masalah baharu kepada generasi ini.
- Antara masalah akan dihadapi generasi ini tiada komunikasi nyata membabitkan emosi dalam tugas dan aktiviti harian. Masalah ini perlu diurus dengan baik supaya tidak menjurus kepada masalah kesihatan mental serius.
- Dijangkakan AI akan menyebabkan kepada penjumudan beberapa sektor pekerjaan. Standard juga akan berubah yang mana kelayakan individu hendak diambil bekerja akan dinilai berdasarkan kecekapan sekurang-kurangnya mempunyai kemampuan seperti robot atau mesin AI.
- Bergantung kepada AI akan merencatkan pemikiran di luar kotak. Aplikasi kecerdasan bertindak berdasarkan kepada tugas diprogramkan.
- Kos penciptaannya sangat tinggi kerana memerlukan perkakasan dan perisian perlu sentiasa dikemas kini bagi padanan situasi semasa. Aktiviti penyelenggaraannya juga membabitkan kos tinggi.


Jelas, kecekapan buatan adalah sistem sangat kompleks dan memerlukan kos sangat besar. Hari ini kebanyakan aplikasi mungkin tersedia secara percuma dan mudah diperolehi. Sedikit waktu lagi situasi ini mungkin akan berubah yang mana pelabur akan cuba mendapatkan semula kos dikeluarkan.

Kesimpulannya, aplikasi AI banyak memberikan manfaat besar kepada kehidupan manusia hari ini. Jelas, kita tidak dapat lari daripada mendapat tempias kesan buruknya dalam melaksanakan tugas dan aktiviti seharian.

Justeru, sebagai insan berakal, menjadi tanggungjawab bagi kita memanfaatkan aplikasi AI dengan bijak dan penuh hikmah. Waspada supaya jangan sampai empati hilang dalam membuat keputusan.

Penulis adalah Koordinator Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni, Pejabat Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



TETAP SOLAT LIMA WAKTU

sejam yang lepas

Tak Pernah Tinggal Solat Walaupun Jadi 'Ah Long', Pemilik Kasino Kini Bergelar...



ZOEY RAHMAN

2 jam yang lepas

Mahu Cari Jodoh Untuk Zoey Rahman, Netizen Suruh Zarina Anjoulie Fikir Diri...

SIRAPLIMAU



TIPS JAGA KUALI BARU

3 jam yang lepas
Ini Tips Nak Jaga Kualiti Baru Belji, Elak Makanan Melekat & Tak Berkarat!



LIST BARANG BAYI

3 jam yang lepas
11 List Barang Bayi Newborn Mama Papa Kena Standby, Mudah Kerja Nanti...



TIPS DIDIK ANAK

7 jam yang lepas
Ramai Ibu Bapa Silap Mendidik Anak, Cuba Semak 10 Tips Ini, Terutama Yang No 5...



TANDA STRES BERLEBIHAN

Feb 13, 2023 @ 9:03pm

24 Jam Rasa Nak Mengamuk, Nampaknya Para Isteri Dah Ada 11 Tanda Stress Tahap...



PERIOD

Feb 13, 2023 @ 6:22pm

Terkejut Tengok Darah Keluar Masa Hamil, Period Ke? Ini Penjelasannya...

BERITA BERKAITAN



KOLUMNIS Jan 21, 2023 @ 1:00pm


Dunia perlu bersedia hadapi kemelut teknologi ChatGPT



LAIN-LAIN (RENCANA) Jan 28, 2023 @ 2:27pm

Tambah baik dasar pekerjaan elak risiko 'pengangguran teknologi'

BH (https://vodus.my) Harap bantu kajian selidik kami dan Dapatkan Baucar Tunai



Masuk | Daftar (https://vodus.my/?login) VPoints 0 (https://vodus.my) (https://vodus.my)